



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 16 OGOS 2020

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI PERLUAS KURSUS PEMASARAN DALAM TALIAN KEPADA AGROPRENEUR MUDA SELURUH NEGARA, BERNAMA -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	505 AGROPRENEUR MUDA DI SABAH TERIMA GERAN RM7.23 JUTA, EDISI VIRAL -ONLINE	
3.	COMING DOWN HARD ON ILLEGAL CULTIVATION OF DURIAN, THE STAR -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2020	BERNAMA	ONLINE	

MAFI perluas kursus pemasaran dalam talian kepada agropreneur muda seluruh negara



Datuk Che Abdullah Mat Nawi (kanan) beramah mesra dengan peserta-peserta yang mengikuti kursus pemasaran online Agropreneur Muda hari ini.

16/08/2020 01:43 PM

KOTA KINABALU, 16 Ogos -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memperluas pengajuran kursus pemasaran dalam talian kepada agropreneur muda di seluruh negara, bagi membantu golongan itu memasarkan produk pertanian dan agro makanan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata seramai 50 usahawan muda di Sabah

menjadi kumpulan pertama menjalani kursus berkenaan, hari ini.

"Penjualan melalui dalam talian ini membantu usahawan muda memasarkan produk secara lebih meluas dan terbuka tanpa melalui orang tengah, dan ini adalah peluang serta perkembangan cukup baik untuk memasarkan produk secara terus kepada pengguna.

"Justeru, kementerian melalui FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) menggalakkan usahawan muda menggunakan medium dalam talian kerana mereka lebih mudah memahami Internet dengan lebih baik dan memanfaatkannya untuk perniagaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kursus Pemasaran Dalam Talian Agropreneur Muda Sabah di sini, hari ini.

Sementara itu, beliau berkata pemasaran dalam talian menerusi platform AgroBazaar membantu meningkatkan jualan produk pertanian dan industri asas tani sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan.

"Sepanjang tempoh itu, hasil jualan produk pertanian melalui AgroBazaar di Sabah mencatatkan kutipan kira-kira RM200,000 dengan penyertaan para usahawan yang cukup menggalakkan," katanya yang berharap usahawan tani muda di Sabah memanfaatkan platform itu.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2020	EDISI VIRAL	ONLINE	

505 Agropreneur Muda di Sabah terima geran RM7.23 juta



KOTA KINABALU, 15 Ogos Seramai 505 orang Agropreneur Muda telah menerima bantuan geran berjumlah RM7.23 juta menerusi Geran Agropreneur Muda (GAM) antara 1 Jan 2016 hingga 31 Mei lepas, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Beliau berkata, dua daripada penerima itu masing-masing mengusahakan tanaman limau kasturi dan memproses kordial serta jus buah-buahan di Kota Belud dekat ini, mampu meraih pendapatan pendapatan masing-masing RM30,000 setahun dan RM40,000 setahun.

Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bersedia membantu semua anak muda untuk terlibat dalam bidang pertanian, melalui Program Agropreneur Muda sama ada melalui bantuan geran, pembiayaan dan kursus teknikal, katanya menerusi kenyataan di sini hari ini.

Terdahulu beliau melawat projek tanaman limau kasturi Mazlee Utul, 36, yang menerima bantuan GAM bernilai RM10,000 pada 2018 serta bimbingan Lembaga Pertubuhan Peladang, dan perusahaan memproses kordial serta jus buah-buahan Anis Nadia Mohd Nasir, 37, yang menerima GAM berjumlah RM15,000 pada 2018 dan di bawah bimbingan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia.

Seramai 6,063 orang agropreneur muda seluruh negara telah menerima kelulusan untuk Program Agropreneur Muda, bagi tempoh antara 1 Jan 2016 hingga 30 Jun tahun ini, melibatkan peruntukan RM 108.29 juta.

BERNAMA

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA

SURAT

16/8/2020

THE STAR

ONLINE

Coming down hard on illegal cultivation of durian



After Aug 24, control posts will be built and only certain individuals will be permitted entry into durian farms. — Filepic

KUANTAN: The state government will be taking action soon against the illegal cultivation of durian on government land and in forest reserves.

The Pahang Land and Mines Office said the government would permit entry and occupation of government land and forest reserves around Kampung Sungai Ruan and Sungai Chalit, Raub, by state government joint venture companies only.